**Lampiran A**

**Pindaan Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 –**
**Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis)**

| Bil. | Peraturan Sedia Ada WP1.4 | Pindaan WP1.4 | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1. | KEMUDAHAN PERJALANAN DENGAN KAPAL TERBANG<br><br>7.3 Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan pegawai adalah seperti berikut:<br><br>7.3.2 Penerbangan Ke Luar Negeri<br><br>Gred — Kelas<br>Utama/Khas A dan ke atas — Satu<br>Utama/Khas B dan C — Perniagaan<br>54 dan ke bawah — Ekonomi | KEMUDAHAN PERJALANAN DENGAN KAPAL TERBANG<br><br>7.1 Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan pegawai adalah seperti berikut:<br><br>7.1.2 Penerbangan Ke Luar Negeri<br><br>Gred — Kelas<br>Utama/Khas A dan ke atas — Satu<br>53 hingga Utama/Khas B — Perniagaan<br>52 dan ke bawah — Ekonomi | i. Penambahbaikan ke atas kelayakan kelas tempat duduk penerbangan bagi penerbangan di luar negeri; dan<br><br>ii. Peraturan asal di Perenggan 7.3.2 diubah kepada Perenggan 7.1.2. |
| 2. | **LAMPIRAN C DAN D**<br><br>Borang Tuntutan Perjalanan Di Dalam dan Luar Negeri | **LAMPIRAN C DAN D**<br><br>Borang Tuntutan Perjalanan Di Dalam dan Luar Negeri | Borang Tuntutan Perjalanan Di Dalam dan Luar Negeri di Lampiran C dan D sedia ada ditambah baik seperti berikut:<br><br>i. Mewujudkan ruangan nombor telefon (pejabat/bimbit) dan kenderaan jenis motorsikal pada ruangan Maklumat Pegawai;<br><br>ii. Mewujudkan ruangan kiraan kilometer bagi kenderaan jenis motorsikal bagi Elaun Perjalanan Kenderaan di Bahagian A;<br><br>iii. Mewujudkan ruangan tuntutan Elaun Harian di Bahagian A; |

| Bil. | Peraturan Sedia Ada WP1.4 | Pindaan WP1.4 | Catatan |
|---|---|---|---|
| | | | iv. Mewujudkan ruangan tuntutan Elaun Lojing termasuk tarikh lojing di Bahagian B;<br><br>v. Mewujudkan ruangan tuntutan Elaun Harian di Bahagian A;<br><br>vi. Mewujudkan ruangan jumlah keseluruhan di Bahagian C;<br><br>vii. Memasukkan klausa berkaitan tuntutan palsu di Perkara (e) dan klausa berkaitan kewajipan menyimpan dokumen sokongan asal oleh pegawai di Perkara (f) pada ruangan Pengakuan pegawai; dan<br><br>viii. Pindaan pada klausa pengesahan pegawai. |
| 3. | **LAMPIRAN B**<br><br>KADAR ELAUN MAKAN, PENDAHULUAN DIRI SEWA HOTEL/ELAUN LOJING SEMASA BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGERI<br><br>Kategori Negara<br>Kategori I hingga V - jumlah negara: 143 negara | **LAMPIRAN B**<br><br>KADAR ELAUN MAKAN, PENDAHULUAN DIRI SEWA HOTEL/ELAUN LOJING SEMASA BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGERI<br><br>Kategori Negara<br>Kategori I hingga V - jumlah negara: 222 negara | Kategori negara di Lampiran yang disenaraikan mengikut Kategori I hingga V dikemaskini daripada 143 negara kepada 222 negara dengan penstrukturan semula negara-negara di kategori sedia ada kepada kategori baharu. |